

## KEMPEN BELANJA HARI-HARI

### TEMPOH KEMPEN

“Kempen Belanja Hari-Hari” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) bermula pada **01 Julai 2020** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Ogos 2020** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam) termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB dan HLISB secara kolektif disebut “Bank”.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“T&S”) adalah seperti berikut:

### KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen terbuka kepada seluruh pemegang kad (“Pemegang Kad”) (i) HLB Kad Kredit (ii) HLB Kad Debit dan (iii) Hong Leong Kad Debit-i (secara kolektif, “Kad Sertaaan”).
2. Pemegang Kad **tidak termasuk** golongan berikut:
  - (a) Pemegang kad yang memiliki Kad Sertaaan yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - (b) Pemegang kad yang Kad Sertaaan mereka TIDAK berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i yang telah ditutup atau tidak aktif (“Akaun Sertaaan”) atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat Kad Sertaaan dan/atau Akaun Sertaaan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
  - (c) Pemegang kad yang Kad Sertaaan mereka tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; dan/atau
  - (d) Pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan bankrap atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### KAEDAH KEMPEN & KRITERIA PENYERTAAN

3. Pemegang kad adalah berhak menerima **Pulangan Tunai** berikut bagi setiap Perbelanjaan Minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) yang dilakukan di bawah Kategori Perbelanjaan dalam satu resit semasa Tempoh Kempen (“Perbelanjaan Kelayakan”) seperti mana tertera dalam Jadual 1 di bawah, bergantung kepada terma dan syarat di dalam ini dipenuhi (“Pemegang Kad Layak”).

Jadual 1

Kategori Perbelanjaan	Perbelanjaan Minimum	Pulangan Tunai	Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai
Perbelanjaan Barang Runcit di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC): 5411	RM100 dalam satu resit semasa Tempoh Kempen	Pulangan Tunai RM5	RM 600,000
Perbelanjaan Farmasi di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC): 5912 & 5122		Pulangan Tunai RM5	
Bayar Transaksi Atas Talian dengan bukan Kad Visa		Pulangan Tunai RM5	
Bayar Transaksi Atas Talian dengan Kad Visa		Pulangan Tunai RM6	

4. Bagi tujuan Fasal 3 di atas, “Perbelanjaan Kelayakan” meliputi yang berikut:
  - (a) Perbelanjaan Barang Runcit dan Farmasi di kedai fizikal;
  - (b) Perbelanjaan atas talian Barang Runcit/Farmasi akan diterima sebagai transaksi atas talian;
  - (c) Tambah nilai eWallet bagi transaksi atas talian;
  - (d) Perbelanjaan yang dilakukan dalam negara dan luar negara. Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat dalam mata wang selain Ringgit Malaysia (“RM”) akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berpandukan kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank pada masa transaksi;
  
5. Bagi mengelakkan keraguan, “Perbelanjaan Kelayakan” **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
  - (a) Apa-apa perbelanjaan runcit melalui pembayaran berulang atau pembilan auto;
  - (b) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
  
6. Sebagai contoh, jika Pemegang Kad Layak berbelanja membeli barang runcit dan farmasi berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) **atas talian** menggunakan Kad Sertaan Visa semasa Tempoh Kempen, maka dia akan menerima Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Enam (RM6) seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Perbelanjaan Kelayakan	Kad Sertaan	Amaun Transaksi	Jumlah Pulangan Tunai
Transaksi Atas Talian	Visa	RM100	6

7. Sebagai contoh, jika Pemegang Kad Layak berbelanja membeli barang farmasi di **kedai fizikal** berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) dan tambah nilai eWallet berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) menggunakan Kad Sertaan Bukan Visa semasa Tempoh Kempen, maka dia akan menerima Pulangan Tunai berjumlah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) seperti tertera dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Perbelanjaan Kelayakan	Kad Sertaan	Amaun Transaksi	Jumlah Pulangan Tunai
Farmasi	Bukan Kad Visa	RM100	5
Transaksi Atas Talian	Bukan Kad Visa	RM100	5
<b>Jumlah Pulangan Tunai</b>			<b>10</b>

8. Perbelanjaan Kelayakan yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan di bawah akaun Pemegang Kad Kredit Utama yang sama juga akan diambil kira dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Kredit Utama untuk Pulangan Tunai.
9. Penguntukan MCC bagi peniaga dilakukan oleh Bank pemeroleh peniaga berkenaan dan Bank pemeroleh berkenaan bertanggungjawab menguntukkan MCC yang betul. Perbelanjaan tidak akan memenuhi syarat seandainya Bank pemeroleh membuat penguntukan MCC yang tidak betul.

#### **PEMENUHAN KEMPEN**

10. Pemilihan Pemegang Kad Layak untuk menerima Pulangan Tunai:
  - a) Setiap Pemegang Kad Layak berhak menerima Pulangan Tunai maksimum satu (1) kali bagi setiap Kategori Perbelanjaan iaitu barang runcit, pembelian fizikal farmasi dan transaksi atas talian sehari, atas dasar siapa cepat dia dapat.
  - b) Setiap Pemegang Kad Layak berhak menerima Pulangan Tunai maksimum dihadkan setakat Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) bagi HLB Kad Kredit dan Pulangan Tunai maksimum dihadkan setakat Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) bagi HLB Kad Debit/Hong Leong Kad Debit-i bagi setiap Bulan Pulangan Tunai seperti tertera dalam Jadual 4.
11. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini dihadkan setakat Ringgit Malaysia Enam Ratus Ribu (RM600,000) dengan had mingguan sepanjang Tempoh Kempen. Bank tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya peruntukan Pulangan Tunai telah mencapai hadnya.

Jadual 4

Bulan Pulangan Tunai	Minggu Kempen (semasa Tempoh Kempen)	Jumlah Had Mingguan	
		Kad Kredit	Kad Debit/Kad Debit-i
Bulan 1	Minggu 1: 1 Julai – 7 Julai 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 2: 8 Julai 2020 – 14 Julai 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 3: 15 Julai - 21 Julai 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 4: 22 Julai - 28 Julai 2020	RM 56,000	RM 11,500
Bulan 2	Minggu 5: 29 Julai 2020 – 4 Ogos 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 6: 5 Ogos – 11 Ogos 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 7: 12 Ogos – 18 Ogos 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 8: 19 Ogos – 25 Ogos 2020	RM 56,000	RM 11,500
	Minggu 9: 26 Ogos – 31 Ogos 2020	RM 52,000	RM 8,000
<b>Jumlah Amaun Penghad</b>		<b>RM 500,000</b>	<b>RM 100,000</b>

12. Pulangan Tunai bagi Kad Sertaan akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit utama Pemegang Kad Layak dalam masa sepuluh (10) hari bekerja bagi setiap Minggu Kempen.

13. Pulangan Tunai bagi HLB Kad Debit dan/atau Hong Leong Kad Debit-i bagi Bulan 1 akan dikreditkan ke dalam akaun HLB Kad Debit dan/atau Hong Leong Kad Debit-i Pemegang Kad Layak dalam masa lima belas (15) hari bekerja selepas berakhirnya Bulan 1 Pulangan Tunai manakala Pulangan Tunai bagi Bulan 2 akan dikreditkan dalam masa lima belas (15) hari kerja selepas berakhirnya Bulan 2 Pulangan Tunai.
14. Semua akaun Kad Sertan Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mesti tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma dan Syarat HLB Kad Debit dan/atau Terma dan Syarat Hong Leong Kad Debit-i ("**Terma dan Syarat Bank**") sehingga Tempoh Kempen dan sehingga peringkat Pulangan Tunai dikreditkan, jika tidak Pemegang Kad Layak akan secara automatik terlucut kelayakannya daripada menerima Pulangan Tunai.
15. Pulangan Tunai akan dikreditkan berdasarkan tarikh dan/atau waktu transaksi (Tarikh dan/atau Waktu Malaysia) yang dirakamkan dalam rekod Bank. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Pemegang Kad Layak yang melakukan transaksi pada tarikh dan/atau waktu yang sama, maka Pulangan Tunai akan diberi kepada Pemegang Kad Layak yang mempunyai amaun Perbelanjaan Kelayakan tertinggi yang terakam dalam sistem Bank.

## UMUM

16. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
  - (a) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Bank yang boleh disemak dalam laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("**Laman Web HLB**") dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Web HLISB**") yang secara kolektif disebut ("**Laman Web Bank**");
  - (b) bersetuju semua rekod transaksi yang dirakamkan dalam sistem Bank untuk tujuan Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
  - (c) bersetuju keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
  - (d) bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi tidak akan diambil kira dalam memenuhi syarat Perbelanjaan Kelayakan;
  - (e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
  - (f) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S. Kempen ini untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
  - (g) bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada vendor pihak ke-3, Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) yang dibenarkan jika Bank fikir wajar untuk tujuan menghantar SMS untuk mempromosikan Kempen ini.
17. Bank berhak:
  - (a) melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sah yang Bank fikir wajar. Khususnya, mana-mana Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Kelayakan dari segi gaya atau pola yang Bank anggap luar biasa, luar

aturan dan/atau menandakan suatu percubaan untuk meraih kelebihan tidak adil ke atas Pemegang Kad Layak yang lain; dan

- (b) melupuskan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai dalam hal apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Kelayakan, jika berkenaan, atau penamatan Kad Sertaan semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pulangan Tunai atau T&S di dalam ini tidak dipatuhi;
- (c) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang Bank fikir sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak.

18. Bank tidaklah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, atau mana-mana pihak yang boleh menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
19. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
20. Selain terma yang dinyatakan di atas ini, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma & Syarat Bank hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Apa-apa percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Bank, maka terma-terma tertentu dalam T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.